

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	26 AUGUST 2016

Bangsa Johor bukan untuk keluar Malaysia

Um- 26/8/2016

JOHOR BAHRU 25 Ogos - Kebangkitan nasionalisme Johor menerusi konsep Bangsa Johor dalam apa cara sekalipun tidak bertujuan untuk menjurus kepada perpisahan daripada Persekutuan Malaysia.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin sebaliknya, menegaskan, Johor adalah sebuah negeri yang membentuk Persekutuan Malaysia dan akan terus mendukung hubungan eratnya dengan Kerajaan Persekutuan.

Pada masa sama, beliau berkata, hubungan kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan mesti diterjemahkan selayaknya atas semangat sebuah persekutuan dan bukannya sebagai sebuah negara satuan.

"Bangsa Johor adalah satu identiti politik Johor yang menjurus kepada perpaduan dan sikap



MOHAMED KHALED NORDIN

muhibah yang menyeru kepada muafakat pelbagai kaum, malah menyatukan segala kerencaman bangsa, agama dan keturunan di bawah satu identiti kenegerian yang bersandarkan kepada keharmonian, persefahaman dan toleransi," katanya dalam satu

kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang menyentuh konsep Bangsa Johor semasa ditanya selepas majlis Wacana ke-20 Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya kelmarin.

Dr. Mahathir mendakwa, konsep tersebut mempromosikan semangat kenegerian berbanding kebangsaan hanya akan memecahbelahkan rakyat Malaysia dan ungkapan Bangsa Johor sering dilaungkan itu menggalakkan rasa bangga diri yang tidak sihat.

Berikutan itu Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar menerusi laporan sebuah akhbar bahasa Inggeris membidas bekas Perdana Menteri itu berhubung kenyataannya itu dan menyifatkannya jahil dengan sejarah Johor.

Mohamed Khaled berkata, Bangsa Johor yang bersatu padu, maju, harmoni dan berada dalam keadaan terbaik bukan sahaja akan menjadikan negeri ini dan masyarakatnya lebih baik malah menjadikan Malaysia keseluruhannya juga lebih baik.

"Ini dengan sendirinya akan mengukuhkan Malaysia sebagai sebuah Persekutuan. Negeri-negeri yang kuat dengan masyarakat yang kuat akan membentuk persekutuan yang kuat. Bangsa Johor diperkenal sejak negara belum merdeka lagi," ujarnya.

Katanya, nasionalisme Johor dan konsep itu merupakan identiti unik yang telah lama sebatu dengan Johor dan amalan masyarakatnya seawal 1920-an lagi apabila Almarhum Sultan Ibrahim Sultan Abu Bakar (1873-1959) memperkenalkannya.